

Hapus GST tak jejas ekonomi negara

WELAS 22/5/18 BERITA HARIAN MYS II.

Kerajaan sudah mengumumkan bermula 1 Jun 2018, Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) akan dikenalkan pada kadar sifar dan ia terpakai di seluruh negara. Ini bermakna para teknikalnya GST dihapuskan dan akan digantikan dengan kualiti jualan dan Perkhidmatan (TT).

GST dilaksanakan sejak 1 April 2015 berdasarkan kepada jangka-bahasa ia meningkatkan kemampuan ekonomi dan menurunkan harga barangan. Jangkaan ini berdasarkan kepada hasil dapatan analisis daripada pihak kerajaan terdahulu.

Selepas tiga tahun pelaksanaan, jangkaan ini tidak menepati realiti praktikal di Malaysia. Realiiti harga barangan terus meningkat dengan peningkatan yang tinggi berbanding sebelum pelaksanaan GST.

Baru satu sudut, rakyat percaya bahawa GST menjadi punca kenaikan harga barangan di pasaran. Penolakan GST oleh rakyat telah menjamakkan dengan memberi mandat besar kepada kerajaan untuk Harapan.

nyyusutan hasil

Di sudut lain, ada yang berpanjangan penghapusan GST boleh jejas ekonomi kerana ke-

Komentar



Dr Mohd Yusof Saari

Pensyarah Kanan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia

rajaan akan mengalami susut ke atas kutipan hasil cukai dan seterusnya mengurangkan perbelanjaan ke atas ekonomi.

Untuk memahami sama ada penghapusan GST menjejaskan ekonomi atau tidak, kita perlu membuat analisis bagi menghurai sumbangan GST kepada hasil cukai negara.

Perangkaan menunjukkan kutipan GST tidaklah memberi sumbangan besar kepada jumlah hasil cukai. Di antara 2015 hingga 2017, secara purata GST menyumbang sekitar 21 peratus saja kepada jumlah hasil cukai.

Terdahulu, sistem SST pula menyumbang sekitar 10 peratus, menjadikan perbezaan di antara GST dan SST hanyalah sekitar 11 peratus.

Pada 2017, kutipan GST sebanyak RM41 bilion dan SST jika

dikekalkan dijangka menyumbang sekitar RM17 bilion.

Jadi, perbezaan hasil cukai kerajaan antara GST dengan SST hanyalah RM24 bilion.

Tampung kekurangan

Berdasarkan perangkaan ini, penghapusan GST dijangka tidak akan menjejaskan ekonomi. Perbelanjaan kerajaan tidak akan terjejas kerana sumbangan GST kepada kutipan hasil tidaklah signifikan.

Terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk menampung pengurangan sebanyak 11 peratus atau sekitar RM24 bilion, akibat penghapusan GST.

→ Pertama, penjimatan dalam perbelanjaan mengurus melalui penswastaaan sektor awam dan menilai semula program dan projek pembangunan semasa kerajaan.

→ Kedua, pengurangan juga boleh ditampung melalui penjanaan ke-untungan perniagaan oleh syarikat berkaitan dengan kerajaan (GLC).

→ Ketiga, merencanakan semula 'enjin' ekonomi Malaysia agar kutipan hasil cukai bertambah selari dengan pertumbuhan perniagaan. Ekonomi Malaysia memerlukan kepada perubahan struktur dan usaha ke arah mempelbagaikan aktiviti ekonomi.

[FOTO HIASAN]

Penghapusan GST dijangka tidak akan menjejaskan ekonomi dan perbelanjaan negara.

